

BOM JANGKA 'GRENFELL TOWER' MALAYSIA

Penduduk persoal notis bomba selepas 20 tahun

➔ Insiden Grenfell Tower tak mustahil berlaku jika semua pihak tak ambil iktibar, patuhi peraturan

Oleh Syed Azwan Syed Ali, Rashidah Ilimi Abd Rahim dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Pengurusan dan penduduk pangsapuri dan kondominium di Lembah Klang yang menerima lebih daripada 100 notis bahaya kebakaran mempersoalkan tindakan Jabatan Bomba dan Penyelamat yang baharu mengeluarkan notis itu walaupun bangunan sudah dihuni hampir dua dekad.

Mereka juga mempertikaikan sebilangan notis bahaya kebakaran yang membatalkan kelulusan sijil layak menduduki (CF) yang dikeluarkan lebih awal oleh bomba dan tidak sepatutnya ditanggung oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri atau kondominium.

Pengerusi JMB Pangsapuri Pantai Indah Fasa 1 di Pantai Dalam, Nadzeri Mat Nawang mendakwa bomba mengeluarkan 224 notis bahaya kebakaran dalam pemeriksaan pertama mereka di pangsapuri itu pada Jun lalu selepas 20 tahun pangsapuri itu diduduki.

Risiko maut kepada penghuni

"Pantai Indah sudah lebih 20 tahun dan ini kali pertama bomba memeriksa dalam tempoh itu. Saya ingatkan (bomba memeriksa) untuk makluman atau nasihat, tiba-tiba terus dapat 224 notis. Kita akur dan akan patuhi cuma (notis) mendadak," kata Nadzeri kepada BH semalam.

Laporan muka depan BH semalam mendedahkan 47 pangsapuri dan kondominium seluruh negara, termasuk 40 di Lembah Klang,

mempunyai notis bahaya kebakaran yang boleh menyebabkan risiko maut kepada penghuni kerana tiada kelengkapan memadam kebakaran, tidak diselenggara dan tidak berfungsi, sekali gus mendedahkan penghuni kepada insiden kebakaran seperti di Grenfell Tower di London yang mengorbankan lebih 80 nyawa, Jun lalu.

Statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat merekodkan 2,904 kes kebakaran dari Januari hingga Jun lalu dengan kira-kira 10 peratus atau 282 kes membatalkan kelulusan bangunan kediaman tinggi seperti flet/pangsapuri (168) dan kondominium (114).

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim menyifatkan angka itu amat membimbangkan dan tidak mustahil insiden di Grenfell Tower berlaku di negara ini sekiranya semua pihak tidak mengambil iktibar dan tidak mematuhi peraturan bagi keselamatan bangunan tinggi.

Pangsapuri Pantai Indah Fasa 1, 13 tingkat itu mempunyai 400 unit kediaman dua blok bangunan menerima notis bahaya kebakaran tertinggi daripada senarai 40 bangunan di Lembah Klang dari Januari hingga Jun lalu.

Notis itu merangkumi kegagalan mematuhi Jadual 10 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 antara lain menetapkan pemasangan sistem pancur basah (wet riser), sistem penggera kebakaran, alat pemadam api di setiap tingkat bangunan dan pintu rintangan api tidak dikunci atau dihalang.

Tinjauan BH bersama wakil penduduk di Pantai Indah semalam, mendapati hampir setiap tingkat pangsapuri itu, termasuk tingkat teratas (tingkat 13) tidak mempunyai sistem pancur basah atau alat

pemadam api mudah alih, sekalipun notis bahaya kebakaran dikeluarkan Jun lalu.

Bomba lebih 'friendly'

"Kita akui untuk penuhi kelengkapan memadam kebakaran secara berperingkat, cuma kita minta bomba lebih friendly," kata Nadzeri merujuk kepada Akta Strata yang menekankan pengurusan seminar kesedaran sebelum tindakan tegas diambil.

Maslizan Zamzuri, 41, dari Pangsapuri Zamrud di Jalan Klang Lama yang menerima 148 notis kebakaran, mempersoalkan kenapa tiada dinding pembahagi di bahagian siling tingkat teratas pangsapuri itu sedangkan kelulusan CF diluluskan bomba.

"Jika berlaku kebakaran, api akan cepat merebak, perkara itu perlu dilihat pihak bomba juga bagaimanapun kelulusan (CF) diberikan kepada pemaju sebelum diserahkan kepada penghuni," katanya yang menduduki pangsapuri itu sejak 10 tahun lalu.


Kalitangan swasta itu turut meminta JMB Pangsapuri Zamrud mengambil tindakan segera selain mengadakan latihan fire drill sekurang-kurangnya sekali setahun untuk penduduk.

Pengerusi JMB Pangsapuri Zamrud, Jailani Abu Bakar turut mempersoalkan notis bomba mengenai lif yang tidak memenuhi spesifikasi ditetapkan sedangkan ia diluluskan jabatan itu lebih awal.

"Notis ini menimbulkan persoalan kerana ia diluluskan dulu antara pihak pemaju dengan bomba. Kita terima notis ini dan akan laksanakan secara berperingkat," katanya merujuk kepada kemampuan kewangan pengurusan pangsapuri yang terhad.



Wakil penduduk meninjau keadaan sistem pancur basah atau alat pemadam api mudah alih yang tidak sempurna di Pangsapuri Pantai Indah Fasa 1 di Pantai Dalam, sekalipun notis bahaya kebakaran dikeluarkan Jun lalu.



Wakil penduduk menunjukkan 224 notis bahaya kebakaran yang dikeluarkan bomba di Pangsapuri Pantai Indah Fasa 1 pada Jun lalu.



Keadaan sistem pancur basah atau alat pemadam api mudah alih di Pangsapuri Pantai Indah Fasa 1, Pantai Dalam.